

# NEWSLETTER

Author: Nur Syafiqah Maarof

Editor: Siti Amira Aisyah

**VOLUME 2  
1 APRIL 2023**

## CTSB NEWS! WHAT'S HAPPENING?

- Jamuan Potluck Staf CTSB
- Usahasama Kerja bersama pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) – Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
- Perbincangan Usahasama & Kolaborasi bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) – Fakulti Komputeran
- Sesi User Acceptance Test (UAT) Sistem Pemantauan Operasi Tuggakan Cukai Harta (SPOTCH)
- Kunjungan Lawatan dari Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) Kedah



### **Jamuan Potluck Staf CTSB**

19 Mac 2023

**S**esi jamuan potluck bersama semua staf CTSB telah diadakan di Level 8. Pelbagai pilihan makanan yang dibawa oleh semua staff. Ini adalah bagi bertujuan untuk merapatkan silaturahim dan sebelum menyambut ketibaan bulan Ramadhan.

### **2. Usahasama Kerja bersama pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) – Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik**

MOU bersama pihak UTHM telah ditandatangani dan usahasama tersebut telah dimulakan dengan memberikan geran industri iaitu Geran Sepadan RE-SIP Cybersolution Technologies Sdn Bhd berjumlah RM10,000 kepada UTHM bagi tempoh 2022-2023.

Geran ini bertujuan bagi bekerjasama bersama pelajar UTHM yang dipantau oleh pensyarah Dr. Herdawati Binti Abdul kadir bagi projek "Real-Time Integrated Dashboard System for Smart Building Monitoring System with AI and Data Analytics"

### **3. Perbincangan Usahasama & Kolaborasi bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) – Fakulti Komputeran**

23 Mac 2023



Satu perjumpaan bersama dekan dan pensyarah-pensyarah Fakulti Komputeran telah diadakan. bagi mendapatkan kata sepakat berkaitan ruang kerjasama yang akan diadakan oleh pihak Universiti UTM dan pihak Industri, CTSB. Objektif dan keputusan yang positif bagi memberikan manfaat dan peluang kepada para pelajar yang terpilih merasai pengalaman industri sebenar.

### **4. Sesi User Acceptance Test (UAT) Sistem Pemantauan Operasi Tunggakan Cukai Harta (SPOTCH)**

28 Mac 2023

Sesi User Acceptance Test (UAT) bagi Sistem Pemantauan Operasi Tunggakan Cukai Harta (SPOTCH) Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah dijalankan bersama pegawai-pegawai cukai. Sesi berjalan dengan lancar bersama staf CTSB yang terlibat iaitu Fadhzillah & Nadhirah.



### **5. Kunjungan Lawatan dari Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) Kedah**



2 April 2023

Pihak CTSB amat teruja menerima kunjungan hormat tetamu dari Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS). Ia adalah lawatan ke pejabat MSC Cyberport dan sesi pembentangan demostrasi sistem ePBT sebagai produk utama CTSB.

Pihak CTSB mengharapkan dapat terus bekerjasama bagi memberikan solusi pendigitalan bersepadu PBT Kedah. Semoga kunjungan lawatan MBAS memberikan hasil yang positif dan kerjasama yang baik antara CTSB dan MBAS pada masa akan datang.

# 6 April 2023, Khamis

## 6. Mesyuarat Unit Leader dan Staf MSC & CTSB

Satu mesyuarat bersama Unit Leader dan kesemua staff telah diadakan bagi berkenaan dengan makluman carta organisasi syarikat yang baru. Hala tuju dan objektif syarikat juga telah dibentangkan oleh CEO dan CTO.



## 7. Jamuan Berbuka Puasa MSCSB & CTSB Di Berjaya Waterfront Hotel

Jamuan berbuka puasa MSCSB & CTSB telah diadakan di Berjaya Waterfront Hotel JB. Penyampaian cenderahati bagi 'Kids Achievement' diberikan kepada anak-anak staf yang mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan. Juga penyampaian sijil dan momento kepada '7 Years Award' kepada staf yang telah mencapai 7 tahun ke atas dan makluman kenaikan 2% caruman majikan. Tambahan pulak, penyampaian anugerah 'Zero MC' kepada staf yang tiada MC sepanjang tahun 2022. Tahniah diucapkan!

